**Notis Penting Bertarikh: 14 Januari 2026**
**Notis Pindaan Terma dan Syarat Kempen Simpan dan Belanja Kad Debit Mastercard CIMB**

Para Pelanggan Yang Dihargai,

Harap maklum bahawa Terma dan Syarat Kempen Simpan dan Belanja Kad Debit Mastercard akan dipinda dan akan berkuat kuasa pada 3 Februari 2026.

Pindaan dinyatakan dalam italics dan bold dalam jadual di bawah.

| Klausa Semasa | Klausa Yang Dipinda |
|---|---|
| 6. Untuk layak mendapat Ganjaran Perbelanjaan dan Ganjaran Simpan untuk Kempen ini, Pelanggan Layak mesti mendaftarkan penyertaan mereka dengan menghantar SMS dengan kod pendek MCBIG4 ke 62886. Pelanggan Layak dianggap telah berjaya mendaftarkan penyertaannya setelah menerima pengesahan SMS. Pelanggan Layak bersetuju untuk menanggung kos SMS 2-Hala sebanyak RM0.15 bagi setiap SMS yang dihantar. | 6. Untuk layak mendapat Ganjaran Perbelanjaan dan Ganjaran Simpan untuk Kempen ini, Pelanggan Layak mesti mendaftarkan penyertaan mereka ***dengan melengkapkan mana-mana satu daripada langkah berikut:-***<br>***i) Mendaftar dalam talian melalui halaman promosi di laman sesawang CIMB di https://www.cimb.com.my/en/personal/promotions/latest-promotions/cimb-debit-mastercard-save-and-spend-campaign.html; atau***<br>***ii) Mendaftarkan penyertaan mereka dengan menghantar SMS dengan kod pendek MCBIG4 ke 62886. Pelanggan Layak dianggap telah berjaya mendaftarkan penyertaannya setelah menerima pengesahan SMS. Pelanggan Layak bersetuju untuk menanggung kos SMS 2-Hala sebanyak RM0.15 bagi setiap SMS yang dihantar; atau***<br>***iii) Mendaftar melalui Aplikasi OCTO CIMB dengan mengklik butang "Daftar Sekarang".*** |
| 7. Kempen ini terdiri daripada tiga ganjaran iaitu:-<br>i) Ganjaran Pendaftaran<br>ii) Ganjaran Perbelanjaan<br>iii) Ganjaran Simpanan | 7. Kempen ini terdiri daripada 4 ganjaran iaitu:-<br>i) Ganjaran Pendaftaran ***Akaun***<br>ii) Ganjaran Perbelanjaan<br>iii) Ganjaran Simpanan<br>iv) Ganjaran Pendaftaran ***Kempen*** |
| - | ***<u>Ganjaran Pendaftaran</u>***<br>***44. Pelanggan Layak yang memenuhi syarat Ganjaran Pendaftaran berikut akan layak menerima satu (1) RM50 kredit Touch N Go eWallet ("Ganjaran Pendaftaran").***<br>***a) Berjaya mendaftarkan penyertaan mereka dalam Kempen menggunakan mana-mana kaedah yang disebut dalam Klausa 6i, ii atau iii; dan*** |

b) ***Mesti mempunyai Akaun Semasa/-i CIMB / Akaun Simpanan/-i /Akaun Pelaburan Tidak Terhad Harian-i ("Akaun DURIAN-i") dan CIMB Debit Mastercard semasa Tempoh Kempen***

***Jadual C: Minggu Kempen Ganjaran Pendaftaran dan Bilangan Pemenang Seminggu***

| Minggu Kempen | Tarikh Pendaftaran | Bilangan Pemenang | Ganjaran Pendaftaran |
|---|---|---|---|
| **Minggu 1** | 1 - 7 Disember 2025 | 120 | Kredit Touch N Go eWallet bernilai RM50 |
| **Minggu 2** | 8 - 14 Disember 2025 | 120 | |
| **Minggu 3** | 15 - 21 Disember 2025 | 120 | |
| **Minggu 4** | 22 - 28 Disember 2025 | 120 | |
| **Minggu 5** | 29 Disember 2025 - 4 Januari 2026 | 120 | |
| **Minggu 6** | 5 - 11 Januari 2026 | 120 | |
| **Minggu 7** | 12 - 18 Januari 2026 | 120 | |
| **Minggu 8** | 19 - 25 Januari 2026 | 120 | |
| **Minggu 9** | 26 Januari - 1 Februari 2026 | 120 | |
| **Minggu 10** | 2 - 8 Februari 2026 | 120 | |
| **Minggu 11** | 9 - 15 Februari 2026 | 120 | |
| **Minggu 12** | 16 - 22 Februari 2026 | 120 | |
| **Minggu 13** | 23 - 28 Februari 2026 | 120 | |

45. ***Pemenang Ganjaran Pendaftaran akan dipilih menggunakan sistem pemilihan automatik CIMB ("Pemenang Ganjaran Pendaftaran Berpotensi").***

***46. Pemenang Ganjaran Pendaftaran Berpotensi dikehendaki menjawab satu (1) soalan yang dihantar dengan betul melalui SMS ke nombor telefon bimbitnya yang disimpan dalam rekod CIMB dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam SMS.***

***47. 120 Pemenang Ganjaran Berpotensi Pendaftaran mingguan terawal yang menjawab dalam tempoh masa yang diberikan dengan jawapan yang betul akan diisytiharkan sebagai pemenang Ganjaran Pendaftaran. Sekiranya berlaku seri, Pemenang Ganjaran Pendaftaran Berpotensi dengan jumlah perbelanjaan tertinggi dalam kategori perbelanjaan mengambil bahagian yang diperincikan dalam Klausa 22 akan dipilih sebagai pemenang ganjaran pendaftaran ("Pemenang Ganjaran Pendaftaran").***

***48. Penyertaan Pemenang Ganjaran Pendaftaran Berpotensi yang tidak membalas SMS dalam tempoh masa yang ditetapkan, atau tidak menjawab dengan betul akan hilang kelayakan dan tidak akan layak untuk memenangi Ganjaran Pendaftaran. CIMB berhak memilih Pemenang***

| | |
|---|---|
| | ***Ganjaran Berpotensi Pendaftaran seterusnya yang layak sebagai pengganti.***<br><br>49. ***Setiap Pelanggan Layak berhak mendapat hanya satu (1) Ganjaran Pendaftaran bagi setiap pelanggan sepanjang Tempoh Kempen tanpa mengira bilangan pendaftaran yang berjaya direkodkan.***<br><br>***50. Ganjaran Pendaftaran akan dipenuhi dalam tempoh 90 hari bekerja selepas 28 Februari 2026 dan Pemenang Ganjaran Pendaftaran akan dimaklumkan melalui SMS atau e-mel.*** |
| 45. Pemegang Kad Debit Yang Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau Hadiah Berkenaan, Pulangan Tunai, Faedah / Keuntungan Bonus akan dilucuthakkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan/penghantaran Hadiah Kempen:<br>a. Pemegang Kad Debit Yang Layak telah memungkiri terma-terma dan syarat-syarat yang mentadbir Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i atau DURIAN-i CIMB serta Kad Debit Mastercard CIMB; atau<br>b. Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i atau Akaun Pelaburan-i CIMB serta Kad Debit Mastercard CIMB telah ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang diperintahkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diberi kuasa oleh undang-undang; atau<br>c. Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i atau Akaun Pelaburan-i CIMB serta Kad Debit Mastercard CIMB adalah delinkuen, tidak sah atau telah dibatalkan oleh Pemegang Kad Debit Yang Layak atau CIMB. | 52. Pemegang Kad Debit Yang Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau Hadiah Berkenaan / ***Ganjaran***, Pulangan Tunai, Faedah / Keuntungan Bonus akan dilucuthakkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan/penghantaran Hadiah Kempen:<br>a. Pemegang Kad Debit Yang Layak telah memungkiri terma-terma dan syarat-syarat yang mentadbir Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i atau ***DURIAN-i*** CIMB serta Kad Debit Mastercard CIMB; atau<br>b. Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i atau ***DURIAN-i*** CIMB serta Kad Debit Mastercard CIMB telah ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang diperintahkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diberi kuasa oleh undang-undang; atau<br>c. Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i atau ***DURIAN-i*** CIMB serta Kad Debit Mastercard CIMB adalah delinkuen, tidak sah atau telah dibatalkan oleh Pemegang Kad Debit Yang Layak atau CIMB. |
| 51. Pemegang Kad Debit Yang Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB ditanggung rugi terhadap sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, | 58. Pemegang Kad Debit Yang Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB ditanggung rugi terhadap sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada: |

| | |
|---|---|
| ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat daripada:<br>a. penyertaan dalam Kempen; dan/atau<br>b. penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah Berkenaan; dan/atau<br>c. kemungkiran atau kegagalan untuk mematuhi Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, oleh Pemegang Kad Debit Yang Layak. | a. penyertaan dalam Kempen; dan/atau<br>b. penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah Berkenaan / ***Ganjaran, pulangan tunai, Faedah / Keuntungan Bonus***; dan/atau<br>c. kemungkiran atau kegagalan untuk mematuhi Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, oleh Pemegang Kad Debit Yang Layak. |